

TMM dijangka bawa pendapatan lebih \$4 bilion

Malaysia akan terus galakkan industri pelancongan — Mahathir

UM 20 SEP 1990

PULAU PINANG 19 Sept. — Malaysia akan terus menggalakan industri pelancongan yang merupakan "lombong emas" dengan memberikan peruntukan yang mencukupi dalam usaha menarik para pelancong walaupun tamatnya Tahun Melawat Malaysia yang dijangka membawa pendapatan lebih \$4 billion hingga hujung tahun ini, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Bagi tempoh lapan bulan pertama Tahun Melawat Malaysia ini, pendapatan tukaran wang asing telah meningkat dengan tingginya kepada

2.74 bilion dengan 4.68 juta orang pelancong.

Matlamat Tahun Melawat Malaysia seramai 4.3 juta orang pelancong sepanjang tahun ini telah dicapai dalam jangkamasa kurang daripada 8 bulan.

Kerajaan yakin pendapatan tukaran wang asing juga mungkin melebihi \$4 bilion hingga hujung tahun ini iaitu jauh lebih tinggi daripada anggaran bagi seluruh Tahun Melawat Malaysia, jelas beliau ketika berucap merasmikan sebuah hotel bertaraf antarabangsa di sini petang ini.

Turut hadir di majlis itu, isteri Per-

dana Menteri, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, Ketua Menteri Dr. Lim Chong Eu dan Menteri Penerangan, Dato' Mohamad Rahmat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin bahawa industri pelancongan akan dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara ini bersama-sama dengan industri pembuatan serta pertanian.

"Dengan sokongan semua pihak cita-cita kerajaan memajukan industri pelancongan ini akan berjaya akhirnya," tambah beliau.

Menurutnya, kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan dan

galakan bagi meningkatkan pelancongan di negara ini di samping pihak swasta telah memainkan peranan penting dalam usaha itu.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian masih banyak lagi yang patut ditambah dan diperbaiki lagi supaya usaha menggalakkan pelancongan ini tidak terbantut.

Salah satu kekurangan ialah kekurangan kemudahan penginapan kadar sederhana dan murah seperti cilet, motel, rumah tetamu dan hotel sederhana untuk memenuhi keperluan para pelancongan yang kurang berkemampuan.

Menurut Perdana Menteri, dengan kekurangan kemudahan penginapan sederhana dan murah tadi, terdapat sekarang ini pihak-pihak pengusaha penginapan seperti hotel yang menaikkan kadar sewa hotel mereka.

Beliau berkata langkah seperti ini akan hanya membawa keuntungan jangka pendek, sebaliknya dalam jangka panjang amalan seperti itu bukan sahaja merugikan negara bahkan juga merugikan para pengusaha hotel sendiri.

"Kadar sewa yang tinggi akan menyebabkan kos pengurusan meningkat. Jika kemudiannya pelanggan tidak begitu ramai, kos sukar diturunkan," ujar beliau.